

18 NOV 2000

LID-Sedia

SEMUA PERSIAPAN LENGKAP BAGI PEMBUKAAN LID 2000 ESOK

LANGKAWI, 18 Nov (Bernama) -- Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000) akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok dengan segala persiapan bagi acara empat hari itu telahpun dibuat.

Dialog perkongsian pintar itu akan dibuka petang esok di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) oleh Dr Mahathir.

Dr Mahathir dijadual mengendalikan sesi Fellows Langkawi bagi Commonwealth PARTNERSHIP for Technology Management Ltd (CPTM) dan satu sesi khas bertajuk "Mencapai Kemajuan & Berkongsi Pengalaman Praktikal."

Hari ini, penganjur bersama dialog itu, MIGHT - Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia dan CPTM mengadakan taklimat pertama bagi media mengenai program dialog itu yang akan berlangsung selama empat hari.

Taklimat itu disampaikan oleh satu panel yang terdiri daripada Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, Penasihat Sains Kepada Perdana Menteri yang juga selaku pengerusi CPTM; Fellow CPTM, Lord David Craig; Duta Malawi ke Taiwan, Eunice Kazimbe; Pengarah Hal Ehwal Luar Kementerian Luar Uganda, Dr James Baba; dan bekas presiden Botswana Sir Ketumile Masire.

Ahli panel lain termasuk ahli ekonomi daripada Universiti Houston, Dr Thomas De Gregori; Ketua Eksekutif MIGHT Dr Ahmad Tasir Lope Pihie dan Lekoma Mothibatsela, wakil daripada pejabat Presiden Botswana.

Semasa taklimat itu, Dr De Gregori berkata kerajaan-kerajaan di seluruh dunia telah mengiktiraf dan memberi perhatian terhadap perkongsian pintar yang diamalkan di kalangan negara-negara membangun untuk mencapai kemakmuran.

Dr De Gregori juga berpendapat yang konsep perkongsian bestari juga boleh mempercepatkan proses globalisasi.

Malam ini para peserta akan menghadiri majlis jamuan makan malam dan mendengar taklimat terakhir daripada Dr Omar yang juga Pengendali Bersama Dialog LID 2000.

Hari ini, tiga lagi pemimpin negara selatan-selatan tiba di Langkawi bagi dialog itu iaitu Perdana Menteri Lesotho, Dr Pakalitha Mosisili, Perdana Menteri Swaziland Dr B.S. Dlamini dan isterinya Jane Dlamini dan Timbalan Presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma.

Sementara itu, naib presiden Uganda Dr Speciosa Wandira Kazibwe dan seorang Menteri dari Algeria, Hamid Temmar dijangka tiba di Langkawi malam ini.

-- BERNAMA

MK PR